

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 21

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jenis tindakan yang dikenakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada pengamal pergigian haram yang dikesan kian berleluasa sehingga dikhawatir mengundang pelbagai risiko kesihatan kepada pelanggan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada tahun 2018, 14 serbuan telah dijalankan ke atas pengamal pergigian haram dan sejumlah tiga (3) serbuan telah dilaksanakan pada tahun ini. Jumlah keseluruhan serbuan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009 adalah sebanyak 59 serbuan dan daripada jumlah tersebut 47 kes telah didakwa di mahkamah di bawah Seksyen 4, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Manakala sebanyak 12 kes lagi masih di peringkat semakan kertas siasatan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Seramai tujuh (7) orang pesalah telah dipenjarakan kerana gagal membayar denda, manakala 25 orang pesalah lagi telah membayar denda dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM760,200.00.

Yang di-Pertua,

Seorang pengamal pergigian hendaklah berdaftar di bawah Akta Pergigian 1971 dan mana-mana pengamal pergigian yang tidak berdaftar adalah dianggap pengamal pergigian haram. Sehingga kini, seramai 10,090 pengamal pergigian yang aktif yang berdaftar di bawah Akta ini. Semakan pengesahan pengamal boleh dibuat dengan melayari laman sesawang *Dental Practitioners' Management Information System*. Di bawah Akta Pergigian 2018 [Akta 804] yang telah diwartakan pada 26 Jun 2018 memperuntukkan pengawalseliaan amalan pergigian dan Akta ini akan dikuat kuasa sebaik sahaja Peraturan-Peraturan Pergigian yang masih di peringkat draf siap. Selepas penguatkuasaan Akta ini, seseorang yang tidak berdaftar yang menjalankan amalan pergigian boleh didakwa di bawah Akta Pergigian 2018 tersebut.

Manakala bagi klinik pergigian swasta pula, mereka diwajibkan mendaftar dengan Kementerian Kesihatan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan klinik pergigian yang tidak berdaftar adalah dianggap sebagai klinik pergigian haram.

KKM mengambil berat tentang perkhidmatan pergigian haram yang membahayakan kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, Kementerian menyeru agar sesiapa yang mempunyai maklumat mengenai pengamal pergigian haram mahupun klinik pergigian haram supaya mengemukakan aduan kepada pihak KKM agar tindakan sewajarnya dapat diambil.

Sekian, terima kasih.